


Latihan industri pelajar IPT perlu utama keselamatan

Oleh Nas Norziela Nasbah - Mei 20, 2021 @ 4:34pm
bhnews@bh.com.my



GAMBAR hiasan

KUALA LUMPUR: Latihan industri bagi pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) boleh diteruskan melalui pelbagai kaedah mengikut kesesuaian.

Presiden Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI), Raja Shah Erman Raja Arifin, berkata antara inisiatif yang boleh diambil adalah dengan mengurangkan jumlah jam kredit bagi latihan berkenaan.

Katanya, ia membolehkan pelajar IPT meneruskan latihan industri masing-masing, namun sebahagian jam kredit perlu digantikan dengan modul tambahan di universiti, mengikut kesesuaian.



PRESIDEN Persatuan Majlis Persatuan Pentadbir Universiti Awam Malaysia (MASTI), Raja Shah Erman Raja Arifin. - FOTO Arkib NSTP

"Jumlah jam kredit akan memberi kesan dalam tempoh latihan industri memandangkan minimum sebelum ini adalah 10 minggu.

"Jika jam kredit berkurangan, mereka (pelajar) mungkin perlu menjalani latihan industri selama empat hingga lapan minggu sahaja atau cadangan lain boleh dikekalkan 10 minggu dengan pendekatan sebahagian daripada tempoh itu adalah secara bersempua," katanya ketika dihubungi semalam.

Raja Shah Erman menjelaskan, dalam situasi pandemik, keselamatan pelajar juga perlu diutamakan dan insiatif boleh diambil IPT adalah membenarkan pelajar menjalani latihan industri di universiti mengikut bidang berkaitan seperti ditempatkan di fakulti atau jabatan berkenaan.

"Sebagai contoh, pensyarah boleh membantu dengan menerima pelajar menjalani latihan industri dalam aktiviti penyelidikan. Sekiranya pensyarah ada geran, pelajar boleh diberi elauan sama seperti yang diterima pembantu penyelidik.

"Selain itu, pelajar boleh menjalani latihan industri di Pusat Kecemerlangan Penyelidikan (COE)," katanya lagi sambil menambah, jika pelajar perlu mengikuti latihan industri di syarikat atau agensi berkaitan, pelaksanaan itu adalah mengikut norma baharu seperti ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan industri terbabit.

Katanya, pihak universiti bertanggungjawab memastikan setiap pelajar diberi pendedahan terbaik melalui latihan industri sama ada di agensi atau industri, mahupun secara 'in house' atau dalaman di universiti masing-masing.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran semalam bahawa IPT boleh menggantikan latihan industri untuk pelajar kepada beberapa latihan alternatif bersesuaian dalam tempoh PKP.

Katanya lagi, MQA peka dengan kesukaran pelajar untuk menjalani latihan industri sepenuhnya, namun IPT boleh menyediakan latihan lain sewajarnya bergantung kepada bidang program dan mesti memenuhi hasil pembelajaran yang telah ditetapkan.

Kaedah lain yang boleh dipertimbangkan adalah seperti 'industry-based project', 'problem-based project', 'topical study' atau 'research project'. Aktiviti simulasi dan amali dalam bentuk virtual, dalam talian mahupun 'remote' juga boleh dilaksanakan berdasarkan kesesuaian.

Mohammad Shatar dilaporkan berkata, kaedah alternatif sedemikian boleh dilaksanakan sebagai penggantian penuh atau sebagai pelengkap kepada latihan industri yang terpaksa dihentikan separuh jalan dan belum memenuhi hasil pembelajaran ditetapkan.

Sementara itu, Kaunselor Berdaftar, Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata pelajar IPT yang dikehendak

i menjalani latihan praktikal dengan pihak industri ketika PKP, wajar menyesuaikan diri dan melakukan perubahan mengikut prosedur yang betul dan selamat.



KAUNSELOR Berdaftar, Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Siti Fatimah Abdul Ghani. - FOTO Arkib NSTP

Katanya, mereka perlu mengikuti rentak terkini dan tidak boleh sesekali membandingkannya dengan proses yang lalu.

"Hari ini dan sekarang berbeza dengan dulu dan kelmarin, lakukan perubahan mengikut prosedur yang betul dan selamat. Dalam situasi ini, pelajar juga perlu menyiapkan mental dan fizikal kerana latihan industri perlu memenuhi kelayakan sebelum menamatkan pengajian.

"Memandangkan cabaran kali ini adalah perlu menjalani latihan industri dalam norma baharu, pelajar akan jadi lebih berdikari dalam erti kata kesediaan bertindak dengan solusi yang pelbagai," katanya ketika dihubungi.